

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD
YUNUS [HULU LANGAT - AMANAH]**

SOALAN NO. 163

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan konsep yang akan diperkenalkan dalam program Sekolah Pemimpin Masa Hadapan dan apakah yang membezakan program ini dengan PLKN yang dianggap merugikan.

Jawapan

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep program Sekolah Pemimpin Masa Hadapan (*Malaysia Future Leaders School* (MFLS)) adalah berdasarkan kepada lima (5) elemen iaitu: kepimpinan, pembentukan watak dan jati diri, kenegaraan, kesukarelawanan dan keusahawanan di samping penekanan kepada nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

2. Ia berbeza daripada program PLKN memandangkan fokus MFLS jelas terarah kepada pembentukan bakat kepimpinan generasi muda. Dalam konteks ini, Kementerian berhasrat untuk menyediakan satu platform khusus bagi mempersiapkan *future-ready leaders* yang akan menjadi tonggak kepimpinan pelbagai sektor di masa hadapan. Seramai 35,000 orang pelajar sekolah akan menyertai program dan proses pemilihan sepenuhnya dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Peserta yang dipilih adalah merupakan warganegara Malaysia yang berumur antara 15 hingga 17 tahun dan terdiri daripada pelbagai kaum.

3. Pelaksanaan program MFLS akan turut melibatkan *engagement* dengan syarikat-syarikat swasta dan GLC yang mana ianya akan mengurangkan kos yang ditanggung oleh pihak Kerajaan. Selain itu pelaksanaan Program MFLS juga menggunakan aset Kerajaan (Kem Wawasan Negara) berbanding PLKN yang menggunakan kem swasta dan melibatkan kos sewaan kem yang tinggi.

Sekian, terima kasih.